

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**  
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : REFORMASI UNDANG-UNDANG & PROSEDUR JENAYAH SYARIAH DI  
NEGERI SELANGOR**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam menambahbaik undang-undang dan prosedur jenayah syariah di Negeri Selangor bagi memastikan undang-undang jenayah syariah terus dihormati terutamanya dalam menguruskan adab dan akhlak di kalangan umat Islam?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ke arah pemerkasaan undang-undang dan prosedur jenayah Syariah di Negeri Selangor. MAIS sebagai institusi yang bertanggungjawab dengan hal ehwal pentadbiran dan perundangan Islam Negeri Selangor mengambil maklum berhubung penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam undang-undang dan prosedur jenayah Syariah di Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, MAIS telah pun menetapkan agenda penambahbaikan undang-undang dan prosedur jenayah Syariah khususnya pindaan terhadap Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dalam Pelan Strategik MAIS bagi tahun 2020 – 2024 di bawah teras Dasar dan Perundangan Islam. Pelaksanaan Pelan Strategik MAIS ini akan melibatkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), dan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) yang bertanggungjawab mencadangkan dan menyediakan draf pindaan undang-undang jenayah Syariah di Negeri Selangor termasuklah program-program pemulihan dan hukuman alternatif kepada pesalah jenayah syariah; dan

Pihak MAIS kini dalam proses mendapatkan cadangan serta maklum balas daripada semua jabatan berkaitan iaitu JAKESS dan JPSS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN LIM YI WEI**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : SEKOLAH RUKUN NEGARA PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah taburan demografik pelajar yang menghadiri Sekolah Rukun Negara peringkat negeri Selangor?
- b) Apakah kriteria pemilihan peserta SRN?
- c) Apakah program susulan "follow up" dengan peserta SRN agar penerapan semangat kenegaraan dan nilai-nilai yang diajar lebih efektif antara peserta?

**JAWAPAN:**

- a) Program Sekolah Rukun Negara (SRN) diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2019 oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara. Program ini berperanan untuk memupuk dan menerapkan semangat cinta negara dan kebertanggungjawaban di kalangan generasi muda untuk berbakti kepada masyarakat dan negara bangsa. Program ini dilaksanakan di seluruh negeri di mana Selangor adalah antara negeri yang terlibat dalam pelaksanaan program SRN yang telah diadakan di Politeknik Banting, Selangor pada 5 September 2019.

Program ini dilaksanakan selama satu (1) hari dengan mensasarkan penglibatan dari generasi muda. Pada peringkat awal, program ini menganggarkan seramai 200 penyertaan dari pelajar sekolah, IPTA dan IPTS. Walaubagaimanapun, program SRN ini telah mendapat sambutan menggalakkan yang menyaksikan seramai 222 orang pelajar terlibat dalam program SRN.

Daripada 222 peserta, seramai 128 orang adalah peserta lelaki dan 94 orang adalah peserta perempuan. Pecahan penyertaan mengikut bangsa pula adalah melibatkan 186 orang kaum Melayu, 2 orang kaum Cina, 33 orang peserta dari kaum India dan lain-lain adalah 1 orang.

### **Demografik Penyertaan**

JANTINA/BANGSA	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI	105	0	22	1	128
PEREMPUAN	81	2	11	0	94
JUMLAH KESELURUHAN	186	2	33	1	222

- b) Sekolah Rukun Negara (SRN) ini terbuka penyertaannya kepada generasi muda di seluruh negara bagi mewujudkan generasi muda yang berfikiran strategic, minda yang bersih, kreatif, sikap yang terpuji, bertanggungjawab dan sentiasa bermanfaat kepada diri, bangsa, agama dan negara. Antara kriteria bagi peserta SRN ini adalah seperti berikut :-
- Berumur 30 tahun dan ke bawah (14-25 tahun)
  - Pelajar sekolah, pelajar IPTA/IPTS
  - Sekretariat Rakan Muda IPTA/IPTS
  - Majlis Belia Negeri/Daerah
  - Persatuan-persatuan Belia
  - Belia tidak berpersatuan
  - Kepelbagai bangsa, kaum dan agama
- c) Sekolah Rukun Negara (SRN) bertujuan untuk memberi dan meningkatkan pengetahuan generasi muda dalam mengaplikasikan nilai-nilai demokrasi. Seterusnya program ini dapat menjana perpaduan dan kesefahaman yang lebih erat menggunakan konsep intelektual dan lebih ilmiah melalui peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan dan NGO. Program SRN ini diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2020 oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD).

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara sentiasa mempelawa para belia untuk terlibat sama dalam pelbagai program sebagai tindakan susulan kepada para peserta yang pernah menyertai program SRN. Justeru itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk terlibat dalam program pembangunan jati diri dan potensi diri melalui program-program Belia, Sukan dan Rakan Muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Impak dari PKP COVID-19, bagi semua masjid di DUN Hulu Kelang untuk Mac, April dan Mei 2020, berpandukan purata kutipan bulanan tahun 2019, nyatakan kehilangan hasil disebabkan tiada solat Jumaat.

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat sebanyak lapan (8) buah Masjid di DUN Hulu Kelang. Maklumat kehilangan hasil pendapatan masjid dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA MASJID	MAKLUMAT PENDAPATAN 2019				MAKLUMAT PENDAPATAN 2020				KEHILANGAN
		MAC	APRIL	MEI	JUMLAH	MAC	APRIL	MEI	JUMLAH	
1	MASJID AL-ANSAR	57,666	56,000	60,000	173,000	31,000	32,000	29,000	92,000	<b>RM 81000</b>
2	MASJID AL-KHAIRIAH, AU3	61,000	49,000	75,000	185,000	11,000	13,000	12,000	36,000	<b>RM149,000</b>
3	MASJID AL-RIDHUAN	54,000	62,000	58,000	174,000	19,000	15,000	21,000	55,000	<b>RM 116000</b>
4	MASJID AS-SOBIRIN	78,163.32	78,163.32	78,163.32	234,489.96	25,156.70	25,156.70	25,156.70	75,470	<b>RM 159019.96</b>
5	MASJID AL-IMAN, KEMENSAH HEIGHT	30,100.00	28,700.00	29,200	88,000.00	32,000	1,500.00	1,500.00	35,000.00	<b>RM53,000.00</b>
6	MASJID AL-HIDAYAH, TAMAN MELAWATI	81,000.00	79,500.00	82,500.00	243,000.00	70,000.00	14,000.00	14,000.00	98,000.00	<b>RM145,000.00</b>
7	MASJID AL-MARDIYAH	40,522	29,950.95	138,677	209,149.95	29,000	25,000	38,137	92,137	<b>RM 117012</b>
8	MASJID KLANG GATE	60,000	60,000	60,000	180,000	20,000	20,000	30,000	70,000	<b>RM 110000</b>

NOTA : PENDAPATAN 2019 - PENDAPATAN 2020 = KEHILANGAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK : MASALAH LALAT**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah masalah lalat dan bau yang kurang menyenangkan berpunca dari pengusaha ayam di Parit Mahang akan di atasi sepenuhnya ?

**JAWAPAN:**

a) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima aduan daripada orang ramai berkenaan masalah lalat dan bau kurang menyenangkan di Parit Mahang. Seterusnya, MDKS telah memanjangkan aduan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS Selangor) pada 4 Mei 2020. Dengan serta merta iaitu pada 5 Mei 2020, pihak DVS Selangor melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor (PWD Kuala Selangor) telah menjalankan siasatan di lapangan bagi menangani aduan ini. DVS Selangor mengenalpasti terdapat empat (4) buah ladang di Parit Mahang iaitu :

- i. ID Mega Management Services Farm 1
- ii. ID Mega Services Farm 2
- iii. Sha Maju Farm
- iv. Ladang Mohd. Fathi bin Mohd. Jais

Semua ladang disiasat dengan teliti menggunakan panduan dan peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor 2007) dan Peraturan-peraturan Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2008 seperti siasatan Kawalan Lalat dan Larva, Pengendalian Tinja, Pelupusan Bangkai dan Kawalan Pelepasan Habuk. Paling penting dalam sisatan pada kali ini adalah Scudder Fly Grill Test, Pemeriksaan tinja bagi mengesan kehadiran larva dan Pemeriksaan penggunaan racun lalat dan larva dalam pengurusan ladang . Hasil bacaan di semua ladang berkenaan adalah seperti berikut :

- i. Kurang 10 ekor lalat hinggap di atas Scudder Fly Grill dalam tempoh 30 saat;
- ii. Tiada larva dikesan dalam sekurang-kurangnya 5 kawasan kritikal tinja (setiap ladang); dan

- iii. Semua ladang telah menggunakan racun serangga dan larva bagi mengawal pembiakan lalat.

Justeru, masalah lalat dan bau kurang menyenangkan bukan berpunca daripada ladang-ladang ayam di Parit Mahang. Namun, pihak DVS Selangor akan melakukan lawatan ulangan setiap minggu bagi memastikan memang tiada masalah bau dan kacau ganggu lalat.

Pihak DVS Selangor juga telah memaklumkan keputusan siasatan ini kepada MDKS supaya mereka membuat siasatan lanjut tentang punca-punca lain. Seterusnya, MDKS telah mengenalpasti dan menutup sebuah tapak pembuangan sampah haram tidak jauh daripada ladang-ladang ayam. Penguatkuasa MDKS juga telah meronda tapak pembuangan sampah tersebut dari masa ke semasa bagi menghalang masalah ini daripada berulang.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri tidak mampu memberi kepastian bahawa masalah lalat dan bau yang kurang menyenangkan tidak akan berlaku pada masa akan datang dengan hakikat bahawa walau pun dengan sistem perladangan yang baik, masalah kacau ganggu masih boleh berlaku sekiranya pihak pengurusan ladang membuat kesilapan. Namun, Kerajaan Negeri boleh memberi jaminan bahawa :

- i. Semua ladang ayam diperiksa secara berkala bukan sahaja di Parit Mahang malah di seluruh negeri Selangor;
- ii. Semua aduan berkaitan isu ini akan disiasat dengan pantas dan adil;
- iii. Sebarang perlanggaran peraturan dan undang-undang oleh ladang-ladang ayam yang menyebabkan kacau ganggu lalat dan bau akan dikenakan tindakan keras seperti kompaun sehingga penggantungan lesen dan pembatalan lesen (tidak boleh menternak lagi).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS**  
**(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KESAN WABAK COVID-19 TERHADAP EKONOMI NEGERI SELANGOR**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana ekonomi negeri Selangor terjejas akibat wabak Covid-19?
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk merangsang pemulihan ekonomi akibat wabak tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang (no.56) , Yang Berhormat Sungai Burong (no.225), Yang Berhormat Rawang (no. 273), Yang Berhormat Bukit Lanjan (no. 246) dan Yang Berhormat Sungai Panjang (no. 219) berhubung langkah-langkah dan rancangan Kerajaan Negeri untuk pemulihan ekonomi Negeri Selangor.

Penularan COVID-19 ini ternyata telah menjadi krisis kesihatan global yang melanda seluruh dunia. Bagi menangani penularan wabak ini daripada berterusan, kerajaan dan kakitangan barisan hadapan berganding bahu dalam membentuk strategi yang efektif dan berkesan. Sementara itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengehadkan perjalanan orang ramai dengan mengenakan penutupan penuh dan perbatasan antarabangsa merupakan salah satu langkah terbaik bagi membendung jangkitan ini. Alhamdulillah pelaksanaannya telah terbukti berkesan dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sesungguhnya kita sebenarnya tidak punya pilihan, kita wajib memastikan usaha membendung atau ikhtiar melandaikan keluk penularan COVID-19 berjaya.

Namun begitu, PKP yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak ini telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi di dalam negara Malaysia dan negeri Selangor. Aktiviti pengeluaran terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barang perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu, kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. PKP juga mengakibatkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain,

aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagikekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini.

Menyedari kepayahan yang dialami oleh pelbagai pihak dan bagi mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin. Pakej Selangor Prihatin Fasa Pertama telah dibentangkan pada 20 Mac 2020 manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua dibentangkan pada 1 April 2020 bertujuan untuk memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosio-ekonomi penularan wabak tersebut.

Sejumlah RM127.8 juta diperuntukkan bagi Selangor Prihatin Fasa Pertama membabitkan tujuh inisiatif manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua pula melibatkan peruntukan sebanyak RM272.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta. Walau bagaimanapun, perhatian utama pihak Kerajaan Negeri dari segi pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah untuk memastikan ekonomi berfungsi menghadapi kejutan permintaan dan penawaran. Realitinya, pakej rangsangan yang diwujudkan oleh kerajaan pusat serta disokong oleh pakej Selangor Prihatin ini hanya memadai untuk menangani kesan jangka pendek sesuai dengan objektif pakej rangsangan iaitu untuk mencipta permintaan sambil memastikan penawaran yang mencukupi.

Oleh itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

- |               |   |  |
|---------------|---|--|
| Teras Pertama | : | Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan; |
| Teras Kedua   | : | Peningkatan produktiviti;                      |
| Teras Ketiga  | : | Menyediakan peluang pekerjaan; dan             |

Teras Keempat : Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemuliharaan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘game changer’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjanaan ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rantaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rantaian bekalan bersepadau adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster

pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan kerajaan negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Ringkasnya, keempat-empat pelan tindakan ini melibatkan pentransformasian masalah kepada peluang. Penyelesaian masalah yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 berpaksikan jangka pendek dan berupa penyelesaian sementara yang tidak mampan serta menunjukkan terdapat kelemahan struktur ekonomi yang perlu diperbaiki untuk kemampunan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan itu, Kerajaan Negeri optimis pelan tindakan yang telah digariskan ini akan dapat membantu pemulihan ekonomi di negeri Selangor seterusnya memacu pertumbuhan yang lebih mampan di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PKNS**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu usahawan yang terjejas kerana PKP?
- b) Berapakah jumlah usahawan bumiputera yang terpaksa menutup operasi perniagaan akibat PKP?
- c) Apakah langkah yang dilakukan oleh PKNS dalam membantu usahawan memperkembangkan perniagaan dengan penggunaan teknologi digital?

**JAWAPAN:**

- a) PKNS telah membantu usahawan mengharungi cabaran perniagaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui pelbagai insiatif seperti:
  - (i) Memberikan pengurangan harga sewa ruang niaga di Amcorp Mall sebanyak 50% kepada semua penyewa di Amcorp Mall. PKNS mempunyai 5 lot ruang niaga di Amcorp Mall dan pengurangan harga sewa 50% ini bermula dari bulan Mac sehingga Julai 2020.
  - (ii) Memberikan pengecualian satu (1) bulan bayaran sewa bagi bulan April 2020 dan dua (2) bulan penangguhan bayaran sewa bagi bulan Mei dan Jun 2020 kepada penyewa-penyewa pejabat VIO by PKNS.
  - (iii) Memulangkan semua deposit sewaan ruang niaga bagi promosi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Ruang Acara (Event Space) di PKNS BizPoint telah disewakan kepada sebuah syarikat untuk mengadakan promosi Hari Raya Aidilfitri bermula Mac sehingga Mei 2020. Walau bagaimanapun, PKNS telah memulangkan semua bayaran deposit kerana aktiviti acara promosi Hari Raya tidak dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

- b) Tiada usahawan PKNS yang telah menutup operasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.
- c) PKNS telah membantu usahawan mengembangkan perniagaan melalui platform digital dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti:
  - (i) PKNS dengan kerjasama Shopee Malaysia dan Selangor Information Technology & E-Commerce (SITEC) telah menyediakan sebuah kempen perniagaan yang diberi nama Raya bersama PKNS di Shopee.

Kempen ini telah dijalankan bermula 15 April 2020 sehingga 22 Mei 2020 bagi membantu usahawan melibatkan diri dalam perniagaan digital sekaligus membantu mereka meningkatkan pendapatan dan pasaran perniagaan.

- (ii) PKNS telah berkerjasama dengan Institut Keusahawanan Nasional (INSKEN) bagi mengadakan Kursus Asas Keusahawanan (KAK) secara atas talian kepada 90 usahawan pada 11-12 April, 13-14 April dan 5-6 Mei 2020.

Kursus yang dijalankan secara atas talian ini telah memberi peluang kepada usahawan untuk menimba ilmu tentang asas perniagaan seperti proses memulakan perniagaan, pengurusan kewangan, pengurusan jualan dan pemasaran, pengurusan operasi perniagaan serta teknik mengenalpasti pelanggan dan pasaran perniagaan.

- (iii) PKNS juga telah mengadakan sesi temuduga usahawan secara atas talian bagi Program Usahawan Siswazah yang dikenali sebagai Graduate Realizing Opportunities Way Forward (GROW).

GROW adalah sebuah program yang diwujudkan untuk membangun dan membimbing golongan siswazah berusia 30 tahun ke bawah yang berpotensi untuk menjadi usahawan. Graduan akan diberikan ilmu perniagaan selama enam (6) bulan dan perlu diaplikasikan dalam tempoh tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PENGGANTIAN PAIP**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status penggantian paip air untuk 2020.
- b) Sila bekalkan senarai kawasan yang akan diganti paip air pada 2021.

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor telah dan sedang melaksanakan program tahunan bagi penggantian paip usang jenis *Asbestos Cement (AC)* dari tahun 2016 sehingga 2020 melibatkan 307 lokasi hotspots sepanjang 711 km. Status kerja penggantian paip yang telah diluluskan sehingga tahun 2020 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH HOTSPOT	ANGGARAN PANJANG PAIP (KM)	STATUS
2016	23	144.5	Kerja telah siap.
2017	34	178.55	Kerja sedang berjalan.
2018	29	114.84	Kerja sedang berjalan.
2019	133	152.53	Semua pakej pembinaan telah dianugerahkan kepada Kontraktor yang berjaya secara berperingkat bermula dari Januari hingga Mac 2020. Kerja-kerja fizikal lewat dimulakan disebabkan oleh PKP dan menunggu kelulusan permit dari PBT.
2020	88	120.67	Lantikan jurutera perunding telah dibuat dan di dalam proses rekabentuk. Kerja-kerja rekabentuk lewat disebabkan oleh PKP.

- b) Air Selangor telah mengenalpasti senarai awal lokasi hotspot bagi penggantian paip bagi tahun 2021 dan kini dalam proses semakan akhir, verifikasi kebolehlaksanaan tapak dan seterusnya melantik Perunding. Senarai akhir lokasi kawasan penggantian paip bagi tahun 2021 dijangka akan dapat diputuskan pada bulan Oktober 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PEMBELANJAAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (MAC-JUN)**

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah dan apa jenis perbelanjaan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac - Jun?
- b) Apakah jangkaan perubahan kepada kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor untuk tahun 2020 dan 2021?

**JAWAPAN:**

**Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan No. 228 – Perbelanjaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Mac – Jun) dari Bukit Lanjan, No. 285 – Bantuan Covid – 19 dari Sungai Burong, dan No. 293 (a) dan (b) – Bantuan Rakyat dari Sungai Air Tawar.**

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kepada penduduk di Negeri Selangor di bawah Pakej Rangsangan Selangor Prihatin. Di bawah Pakej ini, terdapat sebanyak 42 inisiatif telah diperkenalkan yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM413.933 juta.

Perincian setiap inisiatif berserta jumlah peruntukan adalah seperti di **Lampiran I**.

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Insentif sebanyak RM200 ( <i>One Off</i> ) kepada petugas hospital di Negeri Selangor	1,200,000.00	1,186,200.00	5,931
2	Bantuan makanan kepada petugas hospital di Negeri Selangor		192,096.00	2,161
3	Penangguhan bayaran sewaan selama 3 bulan di bawah Skim Smart Sewa	600,000.00	600,000.00	2,733

BIL	INSENTIF FASA PERTAMA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	ANGGARAN BIL. PENERIMA
4	Peningkatan had nilai dari RM20 ribu kepada RM30 ribu bagi Program/Aktiviti Mesra Rakyat untuk pembelian keperluan asas	1,680,000.00	1,680,000.00	33,600
5	Pemberian insentif sebanyak RM500 (One Off)	40,000,000.00	11,442,000.00	22,884
6	Pengecualian sewa 1 bulan di premis PBT Kepada Penjaja/ Peniaga Berlesen	12,000,000.00	2,784,591.00	12,516
7	Penangguhan bayaran balik selama 3 bulan bagi usahawan Skim HIJRAH Selangor	70,000,000.00	70,000,000.00	39,818
8	Bantuan sara diri sebanyak RM200 kepada pelajar Selangor di IPTA di Sabah/ Sarawak	500,000.00	141,400.00	986
9	Bantuan makanan kepada pelajar-pelajar UNISEL, KUIS, INPENS	1,800,000.00	37,200.00	270
10	Program memudahcara urus diri Mahasiswa sempena Perintah Berkurung oleh Pihak Berkuasa Mesir	49,800.00	49,800.00	1365
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK FASA I</b>	<b>127,829,800.00</b>	<b>88,113,287.00</b>	<b>122,264.00</b>

BIL	INSENTIF FASA KEDUA	IMPAK KEWANGAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Insetif Penjagaan Anak-anak <i>Frontliner</i> bagi setiap keluarga untuk tempoh 2 bulan	1,500,000.00	63,300.00
2	Bantuan makanan kepada petugas barisan hadapan	1,340,000.00	326,080.00
3	Bantuan makanan kepada petugas media dan petugas keselamatan	100,000.00	93,472.00
4	Keperluan <i>Task Force COVID Selangor</i>	50,000.00	50,000.00
5	Bas Smart Selangor dari KLIA ke hotel	560,000.00	2,038,274.00
6	Membekalkan topeng muka, <i>hand sanitizer</i> , dan sarung tangan	2,000,000.00	2,621,500.00
7	Operasi stesen kuarantin: petempatan <i>Person Under Surveillance</i> (PUS) di ILIM dan ILKAP	3,000,000.00	927,919.03
8	Penambahbaikan Skim Peduli Sihat	42,500,000.00	42,500,000.00
9	Saringan/ <i>mass-test</i> di kawasan <i>hot spot</i> wabak Covid (2 kali penyaluran RM1.35 juta + RM2.06 juta)	3,410,000.00	3,660,000.00

10	Bantuan kepada warga Selangor yang dijangkiti COVID-19 (RM1 ribu setiap pesakit)	<b>1,800,000.00</b>	<b>162,000.00</b>	<b>198</b>
11	Pengurusan kesihatan mental melalui kelas interaktif alam maya.	<b>1,000,000.00</b>	<b>151,900.00</b>	<b>162,400</b>
12	Pengecualian Denda Lewat Untuk Pembayaran Cukai Taksiran Bagi Penggal Pertama Tahun 2020	<b>12,850,000.00</b>	<b>12,852,374.00</b>	<b>691,945</b>
13	Peningkatan had berbelanja bagi program/ aktiviti mesra rakyat ADUN dari RM20K kepada RM30K (2 kali penyaluran RM1.68 juta x 2 kali)	<b>3,360,000.00</b>	<b>3,360,000.00</b>	<b>67,200</b>
14	Pemberian kepada Ahli Majlis sebanyak RM10k/ RM5k	<b>2,750,000.00</b>	<b>2,442,462.91</b>	<b>55,000</b>
15	Peluasan Skop bagi peruntukan MPKK/KKI (RM5k)	<b>2,480,000.00</b>	<b>2,480,000.00</b>	<b>49,600</b>
16	Bantuan kewangan RM400 kepada penerima program <i>Blueprint</i> kumpulan F&B yang terjejas	<b>460,000.00</b>	<b>430,000.00</b>	<b>1,075</b>
17	Bantuan Makanan Asas kepada Agropreneur (Pendapatan bersih RM1,500 ke bawah)	<b>500,000.00</b>	<b>500,000.00</b>	<b>5,000</b>
18	Bantuan Kepada Petani/Penternak/ Nelayan/IAT	<b>1,500,000.00</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>2,669</b>

19	<i>Sustainability of food supply -</i> pemasaran produk hasil segar dan proses di bawah Program Selangor Agro Market (SAM)	<b>1,000,000.00</b>	<b>1,000,000.00</b>	<b>275</b>
20	Inisiatif Digital Selangor Grab	-	<b>0.00</b>	
21	Membangunkan platfom e- <i>learning</i>	<b>700,000.00</b>	<b>246,304.00</b>	<b>82,279</b>
22	Penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	<b>6,000,000.00</b>	<b>6,000,000.00</b>	<b>3,991</b>
23	Bantuan makanan untuk mahasiswa/ mahasiswi di UNISEL dan KUIS	<b>760,000.00</b>	<b>73,920.00</b>	<b>330</b>
24	Perlanjutan tempoh akhir bayaran cukai tanah/petak sehingga 31 Julai 2020 tanpa dikenakan caj fi denda lewat.	-	<b>0.00</b>	<b>2,031,495</b>
25	Tempoh bayaran Premium dilanjutkan selama 1 bulan bagi pemegang notis 5A dan 7G yang tamat pada tempoh pelaksanaan PKP	<b>87,810,000.00</b>	<b>87,810,000.00</b>	-
26	Perlanjutan tarikh perserahan urusniaga dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		
27	Perlanjutan tarikh pungutan dokumen dan pengecualian denda lewat	Tidak melibatkan sebarang impak kewangan		

28	Tabung Khas Bantuan COVID-19	8,000,000.00	2,137,614.70	-
29	Inisiatif Selangor Pay	100,000,000.00	-	-
	<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA</b>	<b>285,430,000.00</b>	<b>173,427,120.64</b>	<b>3,384,482</b>

BIL	INSENTIF FASA KEDUA (TAMBAHAN)	IMPAK KEWANGAN	PERBELANJAAN	ANGGARAN BIL. PENERIMA
1	Penyaluran peruntukan sebanyak RM20K kepada YB Senator bagi tujuan pemberian keperluan asas	40,000.00	40,000.00	800
2	Pemberian sumbangan kepada masyarakat orang asli (dalam bentuk barang keperluan asas bernilai RM50 bagi setiap keluarga)	297,000.00	288,056.90	5,812
3	Bantuan Susu Bayi & Lampin Pakai Buang Melalui 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor	336,000.00	336,000.00	5,829
<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN FASA KEDUA (TAMBAHAN)</b>		<b>673,000.00</b>	<b>664,056.90</b>	<b>12,441</b>

<b>JUMLAH KESELURUHAN IMPAK KEWANGAN</b>	<b>413,932,800.00</b>	<b>262,204,464.54</b>	<b>3,519,187</b>
--	-----------------------	-----------------------	------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : POLISI PERUMAHAN UMUM**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan berhasrat menuju ke arah meluaskan polisi perumahan umum memandangkan kebanyakan rakyat yang menduduki di pangsapuri kos rendah sebenarnya tidak mampu membayar fi penyelenggaraan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sedar bahawa terdapatnya masalah ketidakmampuan penduduk di pangsapuri kos rendah untuk membayar fi penyelenggaraan seterusnya menyebabkan keuzuran kepada bangunan dan persekitaran pangsapuri tersebut. Ini dapat dilihat setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 67,445,267.08 juta bagi tempoh 2012 hingga 2019 bagi kerja – kerja penyelenggaraan di bawah skim CERIA seperti baikpulih bumbung, mengecat bangunan, baikpulih lif dan lain- lain.

Oleh itu, Kerajaan Negeri sedang merangka polisi yang mana pemaju dikecualikan daripada membina Rumah Selangorku Jenis A (kos rendah) dengan syarat pemaju perlu memperuntukkan sebanyak 15 hingga 30 peratus daripada kehilangan/ pindaan/ pengecualian pembinaan Rumah Selangorku Jenis A kepada LPHS secara percuma sebagai balasan/ kontra ke atas pengecualian penyediaan Rumah Selangorku yang sepatutnya di bina.

Unit- unit kontra ini akan digunakan oleh LPHS bagi melaksanakan program-program Kerajaan Negeri / LPHS seperti Skim Smart Sewa dan 'Rent To Own' yang dapat membantu rakyat khususnya untuk golongan B40 memiliki rumah. Pelaksanaan program-program ini secara tidak langsung akan membantu Kerajaan Negeri dalam memberi peluang kepada golongan yang sukar mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan untuk memiliki rumah sendiri.

Secara amnya peserta di bawah program ini akan melalui 2 Fasa iaitu tempoh Penyewaan di bawah Skim Smart Sewa (minimum 2 tahun sehingga maksimum 5 tahun) dan tempoh Pemilikan di bawah 'Rent to Own'.

Selepas tamatnya tempoh penyewaan 5 tahun, penyewa akan diberikan pilihan sama ada untuk membeli / memiliki rumah tersebut atau sebaliknya. Sekiranya penyewa memilih untuk tidak membeli, penyewa tersebut perlu berpindah keluar dengan mendapat balik 30 peratus (daripada bayaran bulanan setelah ditolak kos penyelengaraan) yang terkumpul sepanjang tempoh sewaan di bawah Skim Smart Sewa tersebut.

Bagi penyewa yang memilih untuk membeli, penyewa akan menggunakan 30 peratus tersebut dijadikan sebagai bayaran deposit pembelian rumah tersebut di bawah Skim Sewa Milik (Rent to Own), bakinya dijelaskan secara bayaran ansuran bulanan selama tempoh yang akan ditetapkan kelak. Jangkaan harga jualan rumah tersebut adalah pada harga tidak melebihi RM200,000 (tertakluk kepada penentuan akhir kelak)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KOLAM AIR PANAS**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerja-kerja menaik taraf kolam air panas akan dilakukan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja menaik taraf kolam air panas Selayang akan dilaksanakan setelah isu-isu yang berkaitan dengan tanah kolam air panas ini diselesaikan. Antara isu-isu yang berkaitan adalah pembayaran premium pajakan tanah kepada Kerajaan Negeri dan isu tuntutan daripada pemaju terdahulu yang dijangka akan diselesaikan dalam tempoh yang terdekat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KISS (KASIH IBU SMART SELANGOR)**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini penerima KISS mengikut DUN selepas permohonan baru dibuka semula?
- b) Apakah kriteria utama untuk penerima KISS ini di kawasan DUN yang mempunyai pemohon yang ramai?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah penerima Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) mengikut Dewan Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

DUN	JUMLAH
N03 SUNGAI PANJANG	26
N04 SEKINCHAN	10
N05 HULU BERNAM	10
N11 IJOK	53
N14 RAWANG	36
N15 TAMAN TEMPLER	25
N17 GOMBAK SETIA	89
N18 HULU KELANG	36
N19 BUKIT ANTARABANGSA	44

<b>DUN</b>	<b>JUMLAH</b>
N20 LEMBAH JAYA	66
N21 PANDAN INDAH	24
N22 TERATAI	37
N23 DUSUN TUA	134
N25 KAJANG	100
N26 SG RAMAL	72
N27 BALAKONG	4
N28 SERI KEMBANGAN	38
N29 SERI SERDANG	64
N31 SUBANG JAYA	49
N32 SERI SETIA	68
N34 BUKIT GASING	17
N35 KG TUNKU	7
N36 BANDAR UTAMA	16
N37 BUKIT LANJAN	64
N39 KOTA DAMANSARA	50
N40 KOTA ANGGERIK	62
N41 BATU TIGA	87
N43 SEMENTA	4
N44 SELAT KLANG	82
N45 BANDAR BARU KLANG	4
N47 PANDAMARAN	12
N49 SUNGAI KANDIS	41
N50 KOTA KEMUNING	73
N51 SIJANGKANG	70
N52 BANTING	31
N53 MORIB	46
N56 SUNGAI PELEK	6
<b>JUMLAH</b>	<b>1657</b>

(Sumber : Selcare Management Sdn Bhd)

- b) Sebagai makluman ahli Yang Berhormat, tiada kriteria utama bagi penerima Program KISS di kawasan yang mempunyai pemohon yang ramai. Namun begitu, ahli Yang Berhormat boleh membuat pertimbangan dengan mengenalpasti golongan ibu yang berkelayakan untuk membuat permohonan sebagai penerima Program KISS dengan mengisi lengkap borang permohonan dan disahkan oleh ahli Yang Berhormat sebelum dikemukakan kepada pihak Selcare Management Sdn Bhd bagi tujuan cetakan kad KISS yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut :-
- i. Warganegara Malaysia;
  - ii. Lahir di Selangor atau menetap di Selangor melebihi 10 tahun;
  - iii. Pemilih berdaftar di Selangor;
  - iv. Wanita berkeluarga (berkahwin atau ibu tunggal) yang mempunyai anak/tanggungan di bawah umur 18 tahun;
  - v. Berpendapatan isi rumah RM2,000.00 dan ke bawah sebulan; dan
  - vi. Berdaftar di dalam sistem eKasih (kategori miskin/ miskin tegar) atau sebagai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN NEGERI SELANGOR UNTUK WABAK COVID-19**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan utama Jawatankuasa Khas Covid-19 Negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri di dalam penambahbaikan sosiobudaya pekerja asing kesan daripada wabak Covid-19?
- c) Berapakah peruntukan kewangan yang telah dibelanjakan melalui Jawatankuasa ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI**  
**(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PERATUSAN WANITA DI SEMUA PERINGKAT PEMBUAT DASAR**

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah rancangan Kerajaan melalui Institut Wanita Berdaya bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di bawah kerajaan?
  
- b) Sejauh manakan konsistensi pencapaian sasaran tersebut setakat ini sejak Dasar Wanita Selangor diperkenalkan?

**JAWAPAN:**

- a) Selaras dengan Matlamat 1: Menggalakkan kerangka pembangunan yang sensitif Gender dan Matlamat 4: Mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2017-2020, proses pemberdayaan wanita merupakan sebuah perjalanan yang panjang, malah *World Economic Forum (WEF)* menjangkakan *Iceland* iaitu negara pertama dalam kedudukan indeks jurang gender 108 tahun diperlukan untuk mengatasi jurang gender.<sup>1</sup>

Kerajaan Negeri Selangor mengambil berat akan usaha untuk mencapai sasaran 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di peringkat kerajaan. Kerajaan Negeri menerusi penubuhan badan pemikir, Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah mengusahakan beberapa program pemberdayaan wanita menerusi pembangunan kapasiti (*capacity building*) di peringkat akar umbi (*grassroot*) dan wanita muda serta mengarusperdanakan gender di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri seperti berikut :-

1. Pertama, melalui pelaksanaan program akar umbi iaitu Akademi Kepimpinan Wanita (AKW), Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor telah melaksanakan program dengan kerjasama dengan Pejabat Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Pusat

Wanita Berdaya dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. AKW merupakan sebuah program intensif hasil cetusan idea YB Dr. Siti Mariah Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Kerajaan Negeri Selangor untuk memantapkan kemahiran dan bertindak sebagai ‘paip bakat’ (*talent pipeline*) untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam lapangan politik dan kerja sosial dalam usaha menjadi pemimpin.

Matlamat pelaksanaan program ini adalah sejajar dengan Dasar Wanita Selangor yang ke ke-4 iaitu mempercepat penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita dengan Kemahiran Organisasi, Kesaksamaan Gender, Kepimpinan Politik dan Kemahiran Insaniah. Program rintis ini menyasarkan 30 peratus daripada graduan AKW memegang jawatan kepimpinan khususnya dalam tempoh 5 tahun akan datang.

2. Kedua adalah Program *Women2Win*, sebuah program pembangunan kapasiti dan merupakan kerjasama di antara IWB dan *The Sasakawa Peace Foundation (SPF)* bagi mengetengahkan bakat wanita muda untuk menjadi pemimpin di samping mempersiapkan calon wanita untuk mencalonkan diri dalam pilihan raya negara mereka yang akan datang.
3. Ketiga, sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan adalah tidak mustahil sekiranya para pentadbir atau pegawai di agensi atau jabatan kerajaan negeri diberi pendedahan dan pemahaman tentang gender. Justeru, Kerajaan Negeri menerusi IWB Selangor sebagai badan pemikir membawa mandat untuk menginstitusikan gender adalah mustahak melalui pelaksanaan program Pengarusperdanaan Gender atau *Gender Mainstreaming*. Untuk makluman, Selangor merupakan negeri pertama yang melaksanakan pengarusperdanaan gender di Malaysia pada peringkat negeri. Selaras Dasar Wanita Selangor melalui Matlamat satu (1) Menggalakkan Kerangka Pembangunan Gender Sensitif.

Menerusi pelaksanaan Pengarusperdanaan Gender di Selangor, beberapa Pegawai Titik Tumpuan Gender (*Gender Focal Point-GFP*) dan Pasukan Tumpuan Gender (*Gender Focal Team-GFT*) telah dilantik di empat (4) portfolio perintis di Negeri Selangor secara berperingkat selama tiga (3) tahun.

- **Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar:** Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS),
  - **Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor
  - **Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan:** Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor
  - **Exco Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi:** Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
4. Kerajaan Negeri di peringkat tertinggi sentiasa komited terhadap segala usaha yang dilakukan bagi memperkasa dan memperkuuhkan keterangkuman wanita di Negeri Selangor kerana ia adalah sebahagian daripada agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh selain selaras dengan dengan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari yang perlu dicapai menjelang tahun 2030 seperti berikut:-

- Matlamat 5 : Kesaksamaan Gender;
  - Matlamat ke-10 : Menutup jurang ketidaksamaan gender;
  - Matlamat 11 : Bandar dan komuniti mampan; dan
  - Matlamat 17 : Kerjasama bagi mencapai matlamat.
- b) Bagi Akademi Kepimpinan Wanita (AKW), projek ini masih berlangsung melalui program pembelajaran secara fizikal dan juga dalam talian (*online*). Kohort pertama dijangka bergraduasi pada suku keempat 2020.

Usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan wanita dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri serta persediaan untuk menjadi pemimpin wanita pada masa hadapan. Menerusi IWB dengan bekerjasama dengan *Open University Malaysia* (OUM) akan melancarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat. Program ini terbuka kepada wanita yang berkelayakan termasuk kohort AKW yang terpilih bagi menerapkan pendidikan secara formal berdasarkan program yang bersesuaian di peringkat diploma, ijazah dan sarjana.

Justeru, program pembangunan kapasiti yang tersusun dan konsisten di peringkat akar umbi dapat meningkatkan kompetensi wanita menerusi kepimpinan dan pendidikan. Sekaligus melayakkan mereka terpilih sebagai perwakilan politik dalam pembuatan keputusan sekaligus mencapai sasaran untuk 30 peratus wanita di dalam semua peringkat pembuat dasar dan keputusan di bawah kerajaan.

Demi merealisasikan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan, Kerajaan Negeri menerusi program Pengarusperdanaan Gender dijalankan oleh IWB secara berperingkat melalui projek perintis selama tiga (3) tahun bermula pada tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah industri pelancongan negeri dalam situasi COVID-19 ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah penggiat Industri Pelancongan Negeri bagi membangun dan memulihkan semula industri ini dalam situasi Covid-19 seperti yang berikut:
- i) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan ‘one-off’ kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras homestay berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang, bagi tujuan pegumpulan data-duta kecil pelancongan Selangor.
  - ii) Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00).
  - iii) Pengajuran Kempen Promosi Pelancongan “Pusing Selangor Dulu” yang memberi penekanan kepada pasaran domestik.
  - iv) Aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti MITA e-Travel Fair dan MITA “Business to Business” Inbound Marketplace dan pengajuran program promosi Selangor E-Travel Fair dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka
  - v) Pengajuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Johor, Pulau Pinang dan Terengganu.

- vi) Kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan ‘*Outdoor Billboard*’, ‘*Unipole*’ dan ‘*Digital Billboard*’ di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
- vii) Penganjuran program Familiarization Trip (FAM Trip) yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa
- viii) Penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara 9 Daerah di Negeri Selangor
- ix) Penganjuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN LOOK UP POINT BUKIT AMPANG**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Menurut jawapan sebelum ini, pelantikan pengurus projek dan operator dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2021. Apakah perkembangan terkini bagi Pelan Tindakan Pembangunan Ampang Look Out Point (ALOP)?

**JAWAPAN:**

- a) Ampang Look Out Point (ALOP) terletak di kompartmen 79A dan 80, Hutan Simpan Hulu Langat seluas lebih kurang 7.04 hektar di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah. Ia telah ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai salah satu destinasi pelancongan di Selangor disebabkan oleh lokasinya yang terletak di puncak bukit dengan pelbagai daya tarikan seperti menara pandang, restoran, kawasan istirahat yang membolehkan pengunjung melihat pemandangan bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah menyediakan satu Pelan Tindakan Pembangunan Ampang Look Out Point (ALOP) sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor pada tahun 2016 yang akan dibangunkan melalui model pengurusan dan pembangunan secara kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP).

Tiada projek pembangunan infra baru yang dibuat di sini memandangkan kawasan ini telah ditutup kepada umum sejak berlaku kejadian tanah runtuhan pada tahun 2013. Mulai dari tarikh tersebut sehingga kini tiada lagi berlaku kejadian tersebut dan bagi memastikan keselamatan pengunjung kawasan ini tidak dibuka sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, pihak jabatan masih menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan kebersihan kawasan.

Berdasarkan kepada **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 23/2019** bertarikh pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju melantik MBI sebagai Pengurus Projek bagi Pembangunan semula Ampang Look Out Point sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor, MBI bertanggungjawab sebagaimana ketetapan berikut;

- i. Menguruskan keseluruhan projek ALOP melalui kaedah secara kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP);
- ii. Menguruskan keseluruhan proses tender Request For Proposal (RFP) sewajarnya mengikut prosidur dan kaedah yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah MBI dan Mantan Pegawai Kewangan Negeri;
- iii. Mengenakan caj perkhidmatan kepada pembida yang berjaya sebanyak 2% sahaja;
- iv. Membentangkan hasil penilaian RFP di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk kelulusan perlantikan Kerajaan Negeri Selangor;
- v. Tidak mengubah sebarang status pemilikan tanah dan perlu kekal sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK).
- vi. Merujuk kepada kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi penetapan syarat-syarat perjanjian berkaitan projek pembangunan ALOP;

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian *Request For Proposal* (RFP) yang dipengerusikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor bagi membincangkan *Terms Of Reference* (TOR) dokumen RFP sebelum pihak MBI menjalankan tawaran kepada mana-mana syarikat/agensi/individu yang berminat untuk membangunkan Ampang Look Out Point (ALOP) sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor melalui kaedah kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP).

Jabatan ini juga telah menerima permohonan daripada MBI untuk mengadakan satu (1) lawatan tapak ke ALOP bagi menjalankan penilaian dan gambaran bagi tujuan rekod yang merupakan sebahagian daripada proses RFP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : COVID-19**

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Jati diri rakyat Selangor mendepani COVID-19 adalah suatu yang unprecedented. Apakah norma-norma baru yang diperlukan oleh rakyat pelbagai kaum dan agama bagi menjaga lima bidang kritikal berikut:
- (a) Agama dan spiritual
  - (b) Jiwa
  - (c) Akal dan intelek
  - (d) Keturunan
  - (e) Harta

**JAWAPAN:**

- a) Pada Februari 2020 Malaysia mula terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Dengan trend kes dunia sedia ada, wabak COVID-19 dijangka akan berterusan untuk tempoh masa yang agak lama dan ianya tidak akan berakhir dalam jangka masa yang terdekat. Pada 18 Mac 2020 kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP dalam usaha membendung wabak COVID-19 ini, dan sehingga kini ianya telah membawa hasil yang memberangsangkan. Langkah ini tidak akan berjaya tanpa komitmen keseluruhan rakyat di Malaysia sama ada petugas barisan hadapan maupun masyarakat di peringkat komuniti di Negeri Selangor.

Bagi tempoh yang seterusnya dalam memerangi wabak ini, Community Empowerment diperlukan dalam memastikan wabak COVID-19 ini dapat dibendung. Amalan norma baharu dalam kehidupan seperti tidak berkumpul, tidak bersalaman, penjarakan social dan memakai topeng muka adalah salah satu langkah yang diperlukan dalam mengurangkan risiko jangkitan. Amalan baharu ini juga memerlukan masyarakat mematuhi peraturan-peraturan ataupun SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan masyarakat dapat mendisiplinkan diri bagi mengawal penularan COVID-19 seterusnya dapat mengekalkan sesuatu kawasan/mukim di dalam negeri kekal hijau.

Di dalam fasa pemulihan ini, tanggungjawab dalam memerangi COVID-19 terletak di tangan kita bersama. Penjagaan kebersihan diri perlu diamalkan, mematuhi SOP yang ditetapkan setiap masa dan amalkan penjarakan social sebagai norma baharu di tempat-tempat kerja atau di tempat-tempat awam. Memandangkan vaksin bagi wabak COVID-19 ini masih belum ditemui, maka pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan sentiasa bekerjasama dalam menyelaraskan gerak kerja yang sewajarnya dalam menangani wabak COVID-19 khususnya di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK PELEBARAN JALAN MASUK KAMPUNG TELOK GONG,  
PELABUHAN KLANG**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri dapat memberikan garis masa bagi projek pelebaran jalan Telok Gong?
- b) Apakah status terkini projek tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Projek dijangka tender pada bulan Mac 2021. Peringkat pembinaan dijangka bermula pada bulan Julai 2021 dan akan mengambil masa selama 3 tahun untuk dilaksanakan.
- b) Pihak JKR dalam proses penyediaan Dokumen Meja Tawaran dan penyediaan Pelan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (APBT 1960).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH**  
**(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : SISTEM PINJAMAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR (PEDULI SISWA)**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan implikasi kewangan Pinjaman Boleh Ubah Dalam dan Luar Negara dari 2017 hingga kini?
- b) Apakah kadar bayar balik untuk Pinjaman Boleh Ubah dari peminjam-peminjam yang sudah tamat belajar dan bekerja?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan peminjam-peminjam membayar-balik dengan tuntas?

**JAWAPAN:**

- a) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) menerima peruntukan daripada Kerjaan Negeri sebanyak RM16.6 juta. Selain itu TKWBNS bertanggungjawab untuk mengutip pinjaman yang telah diberikan kepada peminjam selepas tamat pengajian. Berikut adalah implikasi kewangan bagi tempoh 4 tahun seperti berikut:

PERKARA	2017	2018	2019	2020 (anggaran)
Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara (RM'juta)	29.92	32.87	28.74	27.5
Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara (RM'juta)	-	0.28	1.70	1.80
<b>JUMLAH (RM'juta)</b>	<b>29.92</b>	<b>33.15</b>	<b>30.44</b>	<b>29.3</b>

- b) Kadar Bayaran balik pinjaman adalah mengikut jumlah pinjaman yang diberikan berikut adalah jadual yang telah ditetapkan:

Jumlah Pinjaman	Bayaran Balik	Tempoh (bulan)
-----------------	---------------	----------------

Kurang RM5,000	RM139	12-36
RM5,001 – RM10,000	RM157	32-64
RM10,001 – RM15,000	RM190	53-79
RM15,001 – RM20,000	RM209	72-96
RM20,001 – RM25,000	RM221	91-113
RM25,001 – RM30,000	RM239	109-131
RM30,001 – RM35,000	RM247	122-142
RM35,001 – RM40,000	RM261	134-154
RM40,001 – RM45,000	RM273	147-165
RM45,001 – RM50,000	RM283	159-177

- c) TKWBNS telah mengambil beberapa tindakan bagi memastikan peminjam-peminjam membuat bayaran balik tindakan tersebut adalah seperti berikut:
- i. Surat Berdaftar (6 bulan lepas tamat pengajian)
  - ii. Surat Peringatan 1
  - iii. Surat Peringatan 2
  - iv. Notis Tanpa Prejudis
  - v. Notis Penyenaraian Senarai Hitam
  - vi. Penyenaraian Hitam maklumat kewangan peminjam dan penjamin yang gagal untuk membuat pembayaran di institusi kewangan.
  - vii. Perundangan melalui Penasihat Undang-undang Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU PELARIAN**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap kanak-kanak dan wanita pemegang kad pelarian yang menjadi gelandangan di Teratai setelah pihak UNCHR tidak mahu bertanggungjawab?
- b) Nyatakan statistik bilangan pemegang kad UNCHR yang tinggal di Teratai.

**JAWAPAN:**

- a) Pihak PDRM telah menjalankan risikan dan operasi risikan bagi membanteras lambakan gelandangan etnik Rohingya di daerah ini dibawah perintah gerakan 'Op Ehsan'. Pemantauan telah dibuat ke lokasi yang sering menjadi kawasan tumpuan golongan ini namun mendapati tiada sebarang kesalahan atau unsur jenayah yang melibatkan gelandangan etnik Rohingya yang berlaku di daerah ini. Walaubagaimanapun, pihak PDRM akan sentiasa meneruskan pemantauan bagi membanteras lambakan golongan ini khususnya yang terlibat dalam kegiatan mengemis.
- b) Jumlah pemegang kad UNHCR DUN N22-Teratai (Etnik Rohingya) :-

Kawasan	Jumlah Rohingya	Jumlah Kad UNHCR	Tiada Kad UNHCR
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Tasik Permai</li><li>• Bukit Ampang Permai</li><li>• Taman Lembah Maju</li><li>• Taman Pandan Mewah</li><li>• Pandan Indah Industri Park</li><li>• Pandan Business Park</li><li>• Taman Putra</li><li>• Taman Seraya</li></ul>	800	600	200

- |  |  |  |  |
|--|--|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Taman Muda</li><li>• Taman Mastika</li><li>• Taman Bukit Permai</li><li>• Taman Bukit Permai (Industri)</li><li>• Taman Bukit Pandan</li><li>• Kg Cheras Baru Barat</li><li>• Taman Mega Jaya</li><li>• Taman Bukit Permai 2</li><li>• Taman Bukit Teratai</li></ul> |  |  |  |
|--|--|--|--|

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : AKTIVITI PENYEMBELIHAN AYAM**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sebab melarang aktiviti penyembelihan ayam di pasar.
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk membantu peniaga ayam untuk menyesuaikan dalam keadaan baru ini?

**JAWAPAN:**

- a) Larangan penyembelihan ayam di pasar adalah bagi tujuan:
  - i) Mengelakkan penyebaran penyakit seperti Avian Influenza bagi unggas seperti ayam yang telah dijangkiti ke pasar-pasar awam.
  - ii) Proses penyembelihan termasuk kawasan penyembelihan yang tidak bersih dan tidak mengikut kaedah yang ditetapkan akan menjadi risiko penyebaran penyakit berjangkit yang lain seperti Leptospirosis dan sebagainya.